

Negara bergolak akan jadi porak-peranda

ALUR SETAR 8 Okt. — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat bahawa negara yang bergolak akibat perbalahan atau perselisihan kaum akan menjadi porak-peranda.

Katanya, perbalahan juga boleh menghancurkan sistem kerajaan dan politik serta ekonomi negara berkenaan.

“Jika berlaku demikian rakyatlah yang akan menerima akibat dan menjadi mangsa daripada keadaan buruk itu,” kata Perdana Menteri dalam perutusannya kepada akhbar-akhbar Cina sempena Pesta Kebudayaan Malaysia ke-10 yang bermula di sini hari ini.

Pesta selama empat hari anjuran Dewan Perhimpunan Cina Kedah itu disertai oleh kira-kira 15,000 peserta daripada pelbagai kaum. Ia dirasmikan oleh Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff.

Perdana Menteri berkata, usaha mengadakan pesta kebudayaan itu merupakan satu langkah baik ke arah menjalinkan lagi hubungan tali silaturahim antara kaum di negara ini.

Katanya, dengan memperkenalkan kebudayaan kaum masing-masing akan timbul kepekaan di kalangan kaum tentang hati budi, kehalusan diri dan adat seni yang boleh membawa kepada pemahaman, penghormatan, toleransi dan perpaduan yang kental antara penduduk.